



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN 1/2000**

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan selamat menyambut alaf baru dan tahun baru masehi 2000 kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di seluruh negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di sebarang laut.

Jabatan Perdana Menteri juga sukacita sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas taat setia yang tidak berbelah bahagi yang telah diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan segala sokongan, kerjasama yang padu dan sumbangan-sumbangan yang ikhlas yang telah diberikan oleh semua pegawai dan kakitangan kepada Kerajaan Baginda.

Dengan adanya prestasi kerja, sokongan dan komitmen yang telah diberikan oleh segenap lapisan anggota Perkhidmatan Awam, tidak syak lagi telah menyumbang kepada pengekalan keamanan, keselamatan, kestabilan, kesejahteraan dan kemakmuran yang kita sama-sama nikmati di sepanjang tahun 1999, sungguhpun dalam keadaan negara menghadapi tekanan krisis ekonomi yang melanda rantau Asia.

Dalam kita melangkah dan memasuki alaf baru dan tahun 2000 banyak hikmah, pengajaran dan pengalaman yang dapat kita bawa bersama dan dapat dijadikan sebagai sandaran dan pegangan disamping menjadikan kita lebih matang dan yakin dalam menghadapi cabaran-cabaran dan jangkaan yang akan dihadapi di abad ke 21. Di antaranya ialah keyakinan, kerjasama dan perpaduan, kesabaran, berjimat cermat, disiplin, komitmen kepada tugas dan tanggungjawab dan yang pentingnya ialah untuk sentiasa memberikan keyakinan dan sokongan yang berterusan kepada kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam sebagai landasan kearah menuju kecemerlangan dan pembangunan bangsa dan negara.

Kita melangkah dan memasuki alaf baru dengan azam dan tekad untuk terus mempertingkatkan dan memperbanyakkan lagi usaha-usaha kearah memperbaiki mutu dan prestasi kerja kita untuk menjadikan jentera Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam lebih cekap, efisien dan berkesan serta memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggannya.



Dalam menghadapi abad ke 21, matlamat dan arah tuju yang ingin kita capai ialah untuk terus bekerja dan berfikir bagi kemuliaan dan kesejahteraan bangsa, sepertimana yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda pada Tahun 1998 dalam mana Baginda bertitah **"Kita akan memasuki abad ke 21 dengan azam untuk terus bekerja dan berfikir bagi kemuliaan dan kesejahteraan bangsa dan dengan asas ini jugalah kita akan membina masyarakat yang makmur lagi bersepadu"**.

Bagi mendorong dan **menggerakkan** Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam untuk lebih dinamik, kompetitif, proaktif dan responsif, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan **Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke 21**.

Wawasan berkenaan bertujuan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam **negara** ini sentiasa membangun dan berusaha dengan keupayaan dan keperluan yang bersesuaian dengan cara kehidupan orang-orang Brunei yang **bersendikan Islam** dan menurut **Ahli Sunnah Waljamaah** di dalam persekitaran yang sihat dan selamat berpancain inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke 21 juga menekankan antara lain supaya anggota Perkhidmatan Awam mempunyai ciri-ciri iltizam, berkualiti, berkesan, cemerlang, berakhlak dan beretika. Penekanan juga dibuat akan perlunya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bersikap responsif dan proaktif, pemikir dan membawa pembaharuan.

Wawasan tersebut juga memberikan tekanan akan perlunya pengurusan dan perancangan sumber tenaga manusia yang lebih teratur dan bersistematik dari segi **pengambilan**, penempatan, latihan, pembangunan tenaga manusia dan perancangan **penggantian** yang bertujuan bagi pengurusan yang berkesan, responsif dan dinamik di samping meningkatkan akauntibiliti pengurusan.

Adalah diharapkan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam melangkah ke alaf yang baru, akan terus bersatu tenaga dan fikiran dalam menggerakkan jentera Perkhidmatan Awam mencapai kecemerlangan dengan meningkatkan produktiviti, keberkesanan, efisiensi, prestasi dan komitmen masing-masing kepada tugas dan tanggungjawab di samping sentiasa patuh kepada peraturan-peraturan kerja serta berpegang kepada prinsip disiplin dan etika kerja yang sihat.

Kita hendaklah terus mengamalkan, malah mempertingkatkan lagi ciri-ciri bersih, amanah, jujur, ikhlas, titih dan lutan serta jauh daripada mementingkan kepentingan peribadi dan dikuasai oleh perasaan tamak dan haloba serta hasad dengki dalam memberikan perkhidmatan dan menggerakkan jentera pentadbiran.



Lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran era globalisasi yang di warnai dengan pergolakan politik dunia yang volatile, persaingan ekonomi dan perdagangan serta ledakan dan pengaruh Teknologi Maklumat atau IT dalam perhubungan, urusan kerja dan niaga, setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan perlu berusaha ke arah meningkatkan komitmen, sumbangan dan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang pesat dan sihat di Negara Brunei Darussalam.

Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam mempunyai daya saing dan lebih efisien dan responsif setiap agensi Kerajaan perlu memanfaatkan penggunaan dan aplikasi teknologi maklumat (IT) secara meluas. Rangkaian Kerajaan secara elektronik (electronic government) perlu diperkembangkan kerana ianya dapat merubah cara-cara kerja dan perhubungan "intra-agency" dalam Kerajaan, pihak swasta, individu dan pihak-pihak di luar negara. Melalui IT juga kita akan dapat memanfaatkan maklumat-maklumat dan peluang-peluang yang terbit di alaf yang baru.

Sehubungan dengan ini maka telah sampai masanya bagi setiap warga Perkhidmatan Awam untuk merubah minda (mind set) mereka di samping menilai semula sejauh mana sumbangan yang telah kita berikan serta peranan yang telah dimainkan mengikut bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing. Kita perlu mengatur strategi-strategi tertentu bagi membolehkan kita bersaing dan meraih kemanfaatan daripada cetusan perubahan yang dijanjikan oleh abad ke 21.

Apa yang penting, kita perlu menanamkan sikap yang positif di dalam diri kita untuk mencapai kecemerlangan dengan sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi dan memperbaiki mutu dan kualiti kerja masing-masing ke arah melahirkan Perkhidmatan Awam yang lebih efisien, efektif dan produktif selaras dengan fungsi utama Perkhidmatan Awam sebagai pengawalatur, pengembangmaju, pemudahcara dan pencetus perubahan.

Hanya melalui keberkesanan kita melaksanakan dasar dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan negara, kita dapat memenuhi hasrat negara untuk mencapai kemuliaan dan kesejahteraan bangsa serta membina masyarakat yang makmur dan bersepadu.

Dalam usaha kita mencemerlangkan Perkhidmatan Awam, di samping kita perlu meningkatkan tahap koordinasi dan penyelarasan serta rangkaian kerjasama di kalangan agensi-agensi dalam Perkhidmatan Awam, kita juga tidak boleh lari daripada mempertingkatkan kerjasama dengan sektor swasta sebagai rakan kongsi dalam membangun negara.



Setiap agensi dan anggota dalam Perkhidmatan Awam perlu bertindak mengikut tanggungjawab masing-masing sebagai pemudahcara dalam memberikan perkhidmatan yang dapat memangkin pertumbuhan sektor swasta yang secara langsung juga meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai pada amnya. Bagi tujuan ini, **Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR)** di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipenuhi dan dilaksanakan. Tekad yang sedia ada hendaklah dipantau perlaksanaannya dan diperbaiki serta di kemaskinikan dari masa ke semasa.

Cabaran yang paling besar dalam waktu terdekat di tahun 2000 dan sebagai langkah permulaan kita melangkah ke alaf baru ialah *pengendalian mesyuarat APEC* yang akan diadakan pada bulan November 2000. Sebagaimana juga kita telah berjaya melaksanakan Sukan SEA yang ke 20 di tahun lalu melalui kerjasama dan tekad yang bulat dan bersungguh-sungguh dari segenap pihak yang terlibat di dalam agensi-agensi Kerajaan, Insya Allah tugas dan tanggungjawab yang besar dalam menghadapi APEC di tahun 2000 ini akan dapat kita sama-sama ungkayahkan dengan jayanya. Soal pokoknya kita perlu yakin kepada kemampuan dan kebolehan kita sebagai Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang berwibawa dan sentiasa berusaha menuju ke arah kecemerlangan.

Dari itu marilah kita sama-sama membulatkan ikrar kita untuk memberikan **taat setia** yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kita **taufiq dan hidayahNya** serta kekuatan dan keazaman dalam menghadapi dan mengharungi abad ke 21 bagi mencapai kecemerlangan, kesejahteraan, keamanan, kemakmuran, kestabilan dan keselamatan melalui peningkatan usaha-usaha kita dan peningkatan mutu prestasi dan kualiti kerja .

Akhirnya, Jabatan Perdana Menteri tidak lupa mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang beragama Islam.

(DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap